

Musa Hassan diingatkan tidak 'langgar lari'
Malaysiakini.com
September 8, 2010

Ketua polis negara, Tan Sri Musa Hassan harus bertanggung-jawab berhubung dakwaannya 'ada campur-tangan pihak ketiga' dalam urusan polis dan memfailkan laporan rasmi, kata pengarah strategi PKR, Tian Chua.

Katanya, adalah tidak bertanggung-jawab bagi Musa mengeluarkan kenyataan seumpama itu yang dilihat cuba membidas pihak tertentu dan melepaskan dirinya daripada beberapa isu.

"Sasarannya kemungkinan besar adalah Kementerian Dalam Negeri. Bukan menjadi rahsia Hishamuddin Hussein telah melobi agar kontrak Musa tidak dilanjutkan," kata Chua ketika dihubungi semalam.

Musa pada sidang akhbarinya di Bukit Aman, Isnin lalu mendakwa pihak polis sentiasa menghadapi campur tangan pihak ketiga dalam menjalankan tugas. Beliau juga menamakan KDN sebagai antara dalang itu.

Lapor ke BPA, SPRM

Namun ketua polis negara yang bakal bersara beberapa hari lagi itu tidak menamakan individu berkenaan.

Menurut Tian Chua, daripada mempolitikkan sektor keselamatan negara adalah wajar bagi Musa melaporkan ke Biro Pengaduan Awam dan Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi memastikan masalah itu dibanteras.

"Beliau harus bertanggung-jawab apa yang dikatakannya. Beliau harus bekerjasama dan menawarkan maklumat kerana adalah tidak bertanggung-jawab untuk tidak berbuat demikian."

Bagi setiausaha publisiti DAP, Tony Pua - Musa yang bakal bersara pada 12 September ini menimbulkan dakwaan yang serius. Ia hampir menyamai dakwaan campur-tangan kerajaan dalam perbicaraan kes liwat yang membabitkan ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, adalah agak mengecewakan kerana Musa memilih untuk tidak bertindak ke atas dakwaannya itu dan ia mencerminkan ketidak-cekapan beliau menjalankan tugas sebagai ketua polis.

Wayang kulit

"Beliau telah menodai imej polis dan Kementerian Dalam Negeri. Tanggungjawab kini terletak pada bahu IGP baru untuk menjalankan siasatan penuh bagi menjamin integriti polis tidak dikompromi dan menghentikan (campur-tangan) daripada berlaku," kata Pua.

Bagi naib presiden PKR, Sivarasa Rasiah - Musa sepatutnya menghentikan mainan 'wayang kulit' dan mengenalpasti siapa dalang yang campur-tangan dengan urusan polis itu.

Katanya, kenyataan Musa hanya membuka pekung di dada Musa yang kini sudahpun berada pada tahap yang terendah.

"Apa yang didakwa itu serius. Jika ia benar, rakyat mempunyai hak untuk mengetahuinya. Kita tidak tahu siapa yang diserangnya dan beliau mesti berterus terang supaya orang ramai boleh menilai perkara itu sendiri," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malysiakini.com/news/142214>